

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVI)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB. ONG KHAN LEE**

19. Sila senaraikan jumlah projek *high rise* di lereng bukit dan/atau *highland* yang merangkumi kecerunan yang melebihi 25 darjah yang telah diluluskan sejak 2008 sehingga 2020.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. Setakat ini, projek *high rise* di lereng bukit dan/atau *highland* yang merangkumi kecerunan yang melebihi 25 darjah hanya terdapat di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah merangkumi komponen infra sahaja iaitu jalan raya yang dibenarkan. Menurut rekod terdapat tiga (3) projek yang telah diluluskan sejak tahun 2008 sehingga 2020. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) Projek pembangunan satu (1) Blok Rumah Pangsa Kos Sederhana Rendah Daripada 31 Tingkat kepada 36 Tingkat di Persiaran Halia 3, Mukim 18, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang oleh Syarikat Aspen Vision Sdn. Bhd. (jalan raya keluar masuk dari projek ke pasaraya);
- (ii) Projek pembangunan dua (2) Blok Pangsapuri Mampu Milik Khas 19 & 28 Tingkat di Tingkat Paya Terubong 5, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang oleh Syarikat PLB Land Sdn. Bhd. (Projek Lebuhraya Bukit Kukus); dan
- (iii) Projek pembangunan satu (1) Blok 41 Tingkat Pangsapuri Mampu Milik dan tiga (3) Blok 47 Tingkat Pangsapuri Kos Mewah di Jalan Bukit Kukus, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Paya Terubong, Pulau Pinang oleh Syarikat Geovalley Sdn. Bhd. (Projek Lebuhraya Bukit Kukus).